



## KENYATAAN MEDIA MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR

### MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK JEREBU DAN CUACA KERING KEBANGSAAN BIL. 1 TAHUN 2021

---

1. Saya telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan Bil. 1 Tahun 2021 di Ibu Pejabat, Jabatan Alam Sekitar, Putrajaya. Mesyuarat ini diadakan bagi melaporkan status terkini keadaan cuaca, tindakan setiap agensi semasa cuaca panas dan kering, tindakan penambahbaikan dan mengatur strategi dalam menghadapi kemungkinan berlakunya insiden jerebu setempat dan merentas sempadan.
2. Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) memaklumkan bahawa negara kini berada pada **Fasa Peralihan Monsun yang dijangka berterusan sehingga pertengahan Mei 2021**. Semasa fasa ini, kejadian ribut petir, hujan lebat dan angin kencang boleh berlaku khususnya pada petang dan awal malam. Cuaca panas dan kering masih boleh berlaku dan akan reda sepenuhnya menjelang April 2021.
3. Fenomena ini adalah normal dan berlaku sekitar Februari hingga April pada setiap tahun. Tiada cuaca panas yang luar biasa diramal akan berlaku pada tahun ini. Bagi Februari 2021, jumlah hujan bulanan terendah pada Februari 2021 adalah di Pulau Langkawi dan Alor Setar, Kedah dengan 0.0mm manakala suhu maksimum tertinggi adalah 36.8°C di Kuala Krai, Kelantan pada 26 Februari 2021.
4. Sebanyak 1,586 kes pembakaran terbuka dilaporkan bagi tempoh 1 Januari 2021 - 10 Mac 2021. Sebanyak 29 kes kebakaran berskala besar melibatkan hutan simpan kekal, belukar dan hutan tanah gambut serta tapak pelupusan sampah. Semua kes kebakaran telah berjaya dipadamkan. JAS telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan mengeluarkan 52 *field citation*, 37 kompaun, 62 notis arahan, 168 surat arahan dan 26 penyediaan kertas siasatan untuk tindakan mahkamah ke atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka.

5. Kerajaan akan mengambil tindakan serius bagi membentaras isu kebakaran di tapak pelupusan sampah haram dan menambahbaik tindakan pencegahan kebakaran hutan dan belukar tanah gambut yang menjejaskan kualiti udara serta menyebabkan jerebu tempatan. Kerajaan sentiasa bersedia bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka dan jerebu tempatan yang menjejaskan kualiti udara dan kesihatan awam.

- Tamat –

**YB Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man**  
Menteri Alam Sekitar dan Air  
**18 Mac 2021**

### **Maklumat Tambahan:**

---

1. Jawatankuasa Induk Jerebu Kebangsaan telah ditubuhkan sejak tahun 1997 dan dipengerusikan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi urusan alam sekitar. Selaras dengan arahan Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016, jawatankuasa ini telah dikenali sebagai Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan dan KASA merupakan sekretariat kepada jawatankuasa ini.
  
2. Jawatankuasa yang bermesyuarat secara dwi tahunan ini bertanggung jawab untuk melaporkan status semasa berhubung keadaan jerebu dan cuaca panas kering yang melanda negara. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan yang berkait rapat dengan pengurusan bencana jerebu termasuk:
  - (i) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
  - (ii) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli;
  - (iii) Kementerian Kesihatan;
  - (iv) Kementerian Pendidikan;
  - (v) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi;
  - (vi) Jabatan Alam Sekitar;
  - (vii) Jabatan Meteorologi Malaysia;
  - (viii) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
  - (ix) Polis Diraja Malaysia;
  - (x) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
  - (xi) Agensi Angkasa Malaysia (MYSA);
  - (xii) Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia;
  - (xiii) Jabatan Mineral dan Geosains;
  - (xiv) Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
  - (xv) Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak;
  - (xvi) Jabatan Perhutanan Negeri Sabah;
  - (xvii) Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak; dan
  - (xviii) Jabatan Perlindungan Alam Sekitar, Sabah.
  
3. Kerajaan sentiasa bersedia bagi menghadapi keadaan cuaca panas dan kering dengan mempertingkatkan usaha-usaha pencegahan ke atas aktiviti pembakaran terbuka yang berpotensi menyebabkan berlakunya jerebu di peringkat tempatan. Antara tindakan yang diambil adalah:
  - (i) mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK) sejak 22 Februari 2021 kepada agensi pelaksana;

- (ii) mempertingkatkan rondaan darat dan pemantauan menggunakan dron di kawasan yang telah dikenal pasti mudah terbakar;
- (iii) mengaktifkan SOP Pencegahan Kebakaran Tanah Gambut sejak 9 Februari 2021 kepada JAS Negeri dan agensi pelaksana;
- (iv) memantau status kualiti udara dan titik panas secara berterusan;
- (v) mengaktifkan Pasukan Pemantau Pencemaran (3P) dengan penglibatan komuniti sebagai mata dan telinga kepada pihak Kerajaan dalam membentaras pencemaran;
- (vi) mempertingkatkan kempen-kempen kesedaran (*Communication, Education and Public Awareness*, CEPA) dan penyertaan komuniti khususnya melalui media massa dan sosial bagi mengingatkan orang ramai untuk tidak melakukan pembakaran terbuka; dan
- (vii) melaksanakan Program Pencegahan Kebakaran dan Pengurusan Tanah Gambut Sering Terbakar melalui pembinaan infrastruktur utama. Sehingga kini, sebanyak **292 buah *check dam*, 89 buah *tube well*, 15 buah kolam takungan, 5 buah menara tinjau dan 3 km saluran paip air telah dibina di bawah program ini.**